



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPLORASI TERHADAP MOTIF-MOTIF BATIK DI PAHANG: SATU KAJIAN

SHARULNIZAM BIN RAMLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT BAGI MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumber rujukannya.

2.10.2009

SHARULNIZAM BIN RAMLI
M20072000739



PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya berjaya menyiapkan kajian ilmiah ini sebagaimana yang dikehendaki. Segala usaha ini tidak mungkin berhasil tanpa kerjasama, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Atas sumbangan dan galakan yang diberi, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Abu Bakar bin Sabran di atas perhatian, pandangan dan tunjuk ajar bagi membantu menjayakan kajian saya ini. Ucapan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada semua pensyarah Pasca Siswazah Fakulti Seni dan Muzik. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan sahabat handai terutama Jaffri Hanafi yang banyak membantu dalam memberikan pandangan, komen dan khidmat nasihat.



05-4 Sekalung ucapan terima kasih buat Encik Ghazali di Natural Batik Village, Pahang yang banyak memberi bahan dan maklumat sepertimana yang saya perlukan dalam menjalankan kajian ini. Segala kerjasama dan jasa baik Encik Ghazali sangat dihargai.

Sekalung budi dan seikhlas rasa buat isteri tercinta, Normaziah Mohd Noor dan anakanda Anis Maisarah, Amir Shukeran dan Arman Imran yang sentiasa memberi sokongan dan memahami kesibukan dalam membahagikan masa untuk menyempurnakan tugas ini.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji eksplorasi terhadap motif-motif batik di negeri Pahang Darul Makmur. Ianya sekaligus meneroka motif-motif fauna dan flora serta aspek-aspek dan unsur-unsur yang mempengaruhi eksplorasi terhadap motif batik lukis di Pahang. Natural Batik Village yang terletak di Balok telah dipilih sebagai lokasi kajian.

Pengkaji sebagai instrumen utama telah menggunakan kaedah kajian kualitatif secara deskriptif bagi membuat analisa terhadap data mentah. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah pemerhatian, tembual, rakaman secara audio visual, rakaman video dan dokumentasi.

Secara keseluruhannya, daripada kajian yang telah dijalankan, eksplorasi terhadap motif-motif batik lukis di Natural Batik Village juga dipengaruhi oleh aspek budaya, sosial dan ekonomi. Eksplorasi penggiat terhadap batik lukis motif figuratif di Natural Batik Village turut menyerlahkan pengaruh unsur-unsur kreativiti, ekspresi, representasi, persekitaran dan estetika. Pemilihan motif figuratif pada batik lukis di Natural Batik Village dilihat sesuatu yang menarik untuk dikaji memandangkan motif figura sering ditolak dalam masyarakat Melayu sebelum ini.



ABSTRACT

The research was created out for the purpose of research exploration on batik's motif in Pahang state. On the same time, it explores the flora and fauna's motifs as well as the aspects and factors that influence the exploration of hand-drawn batik's motif in Pahang. Natural Batik Village in Balok has been selected as the research location.

Researcher as the main instrument has chosen descriptive qualitative research method for analyzing the new data. Data collection techniques for the research were observation, interview, audio video recording and documentation.

From the research that has been carried out, exploration on hand-drawn batik's motif at Natural Batik Village were also influenced by culture, social and economic factors. Propagation's or craftsman's exploration towards hand-drawn batik's figurative motif at Natural Batik Village also exposes the influence of creativity, expression, representation, environment and aesthetic. The selection of figurative motifs on hand drawn batik at Natural Batik Village has been seen as a fascinating subject for the research due to the factor that figurative motifs has always been casted off or avoided in Malay community before this.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1.1	Batik Secara Umum	1
1.1.2	Kraf dan Pendidikan Seni	3
1.1.3	Fungsi Kraf Dalam Pendidikan Seni	5
1.1.4	Kerangka Teori Kajian	6
1.2	Latar Belakang Kajian	10
1.3	Penyataan Masalah	14
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Skop Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Definisi Istilah	17
1.10	Kesimpulan	18
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	19
2.1	Kesenian dan Kebudayaan Mempengaruhi Aktiviti Kesenian Batik	19
2.2	Teori-teori Penjanaan dan Pengembangan Idea	22
2.3	Teori-teori Kreativiti	23
2.4	Konsep-konsep Representasi	25
2.5	Konsep-konsep Ekplorasi dan Estetika	26



2.6	Kesimpulan	27
-----	------------	----

BAB 3	METODOLOGI	28
3.0	Pendekatan Kajian dan Rasionalnya	28
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Sumber Data	30
3.3	Instrumen Kajian dan Matriks Pengumpulan Data	31
3.3.1	Kaedah Temubual	31
3.3.2	Kaedah Pemerhatian	33
3.3.3	Kaedah Rakaman Audio, Video dan Rakaman Foto (Visual)	33
3.3.4	Kaedah Dokumentasi	34
3.3.5	Matriks Pengumpulan Data	35
3.4	Kesimpulan	36

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	37
4.0	Pengenalan	37
4.1	Hasil Dapatan Yang Diperolehi Dari Kajian	37
4.1.1	Proses Penghasilan Batik di Pahang	39
4.2	Analisa Dapatan Kajian	51
4.2.1	Jenis-Jenis Motif	51
4.2.2	Aspek-Aspek Yang Mendorong Eksplorasi Terhadap Motif Batik Lukis di Pahang	62
4.2.3	Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Penghasilan Motif Batik Lukis di Pahang	69
4.3	Kesimpulan	84



BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	85
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	85
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.3	Cadangan	90
5.4	Implikasi Kajian Terhadap Pendidikan Seni	91
5.5	Cadangan Untuk Kajian di Masa Depan	93
5.6	Kesimpulan	94
RUJUKAN		96
LAMPIRAN		100
LAMPIRAN A		
LAMPIRAN B		





SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

3.1

Matriks Pengumpulan Data

35





SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Aspek-Aspek Yang Mendorong Penghasilan Batik	7
1.2	Unsur-unsur Yang Mempengaruhi Penghasilan Batik	8
1.3	Peta negeri Pahang - Balok	12
3.1	Enam Ciri-ciri Kajian Kualitatif	29
3.2	Aspek-Aspek Yang Menjadi Fokus Temubual	32
4.1	Pintu masuk ke Natural Batik Village	38
4.2	Alat atau Terap dikenali sebagai `sarang`	40
4.3	Kain putih ditutup dengan dua kertas putih bagi mengelakkan kebocoran lilin	40
4.4	Motif melalui batik cop sebelum dimasukkan warna	41
4.5	Proses Menghasilkan Batik Lukis	42
4.6	Kain dipasung pada paku di bahagian tepi meja	43
4.7	Kain dipinkan di bahagian tepi meja	43
4.8	Lilin putih dan damar ditimbang mengikut sukatan yang ditetapkan	44
4.9	Bekas bagi memanaskan cecair lilin yang dicampur damar	44
4.10	Alat Mencanting	45
4.11	Proses Mencanting	45
4.12	Lilin dialirkan pada latar dan motif batik	46
4.13	Proses memasukkan warna oleh pekerja pada motif	46
4.14	Berus yang digunakan bagi tujuan memasukkan warna	47
4.15	Tong khas yang mengandungi pewarna	47
4.16	Bekas-bekas yang mengandungi warna	48
4.17	Kain direndam dengan <i>sodium silicate</i>	49
4.18	Pekerja sedang membilas kain bagi menghilangkan <i>sodium silicate</i>	49
4.19	Motif flora (Sepit Udang)	52
4.20	Motif flora (Bunga Hutan)	53
4.21	Motif flora (Pelbagai Bunga)	54





SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
4.22	Motif flora (Bunga Merah)	55
4.23	Motif flora (Sepit Udang - Helicornia)	56
4.24	Motif fauna (sepasang burung)	58
4.25	Motif fauna (seekor ikan di dasar sungai)	59
4.26	Motif fauna (Pelbagai jenis burung)	60
4.27	Motif jalur dan titik	61
4.28	Motif geometrik	61
4.29	Motif fauna (seekor naga)	63
4.30	Motif figuratif (sebuah tarian masyarakat Hindu)	64
4.31	Motif figuratif (watak dalam wayang kulit)	64
4.32	Motif figuratif sedang menjala	66
4.33	Motif figuratif (kehidupan petani)	66
4.34	Galeri atau premis menjual hasil kraf batik	67
4.35	Barangan cenderamata berasaskan batik di Galeri Seni	68
	Ghazali	
4.36	Kehadiran pelancong asing ke Natural Batik Village	68
4.37	Motif figuratif (kaum nelayan ketika pulang dari laut)	70
4.38	Motif fauna (hidupan laut)	71
4.39	Penggiat iaitu Encik Ghazali meletakkan lilin pada batik lukisnya	73
4.40	Penelitian dilakukan	73
4.41	Motif figuratif (sekumpulan wanita sedang mengumpul pelepah kelapa)	74
4.42	Motif figuratif (aktiviit bercucuk tanam)	75
4.43	Unsur estetika pada motif flora yang dihasilkan	77
4.44	Motif fauna (ikan kap)	78
4.45	Motif figuratif (watak dalam wayang kulit)	78
4.46	Motif figuratif (sepasang suami isteri sedang berada di dapur)	79
4.47	Motif figuratif (gelagat suami dileteri isterinya)	80





SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
4.48	Motif figuratif (peristiwa jual beli dalam sebuah desa)	82
4.49	Motif figuratif (dua lelaki tidak berbaju sedang minum air kelapa)	83





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB: 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1.1 Batik Secara Umum

Batik didefinisikan sebagai proses melukis, mencetak, mencelup fabrik menggunakan bahan halangan fizikal ke atas fabrik terutama lilin untuk mengelak bahagian yang diaplikasikan melalui lilin daripada diresapi warna dan kemudian melupuskan bahan halangan berkenaan untuk menampakkan coraknya. (Siti Zainon, 1986)

Terdapat berapa pandangan mengenai asal usul kewujudan batik. Namun yang demikian, sejarah awal batik dipercayai berasal dari China ataupun Pulau Jawa. (*Lihat Berita Harian / B5 hari Selasa 12 Februari 2008 : Piawaian Bezakan Mutu Batik*). Perkataan Batik dikatakan berasal dari Jawa iaitu tik bermaksud menitik atau menulis titik-titik. Ambatik pula bermaksud melukis, menulis, mewarna atau menitik.





Piper(2001) dalam penulisannya berjudul *BATIK: for Artist and Quilters* pula menyatakan bahawa batik berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud lukisan berasaskan pengilat berlilin yang menggunakan satu kaedah tradisional bagi menghasilkan tulisan bergambar atau motif yang timbul di permukaan tekstil atau kain.

Di Malaysia, batik bukanlah asing malah ia menjadi antara produk kebanggaan masyarakat dan negara ini. Kebanyakan perusahaan batik di negara ini berpusat di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di Malaysia, Chuah Tean Teng merupakan individu yang terkenal dengan hasil karya batik lukisnya sehingga beliau dianggap sebagai bapa batik lukis tanahair. Beliau menghasilkan batik lukis bermula seawal tahun 1953 iaitu sebelum Tanah Melayu mendapat kemerdekaan daripada British. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa beliau dikenali sebagai pencetus era batik lukis di negara ini.



Terdapat beberapa kaedah bagi menghasilkan batik seperti kaedah terap atau cop, skrin dan canting. Jenis-jenis motif batik pula adalah cetsan dari motif-motif flora dan fauna. Peredaran masa, teknologi dan tahap pendidikan dalam masyarakat ternyata tidak menyebabkan mereka meminggirkan hasil kraf seperti batik bahkan masyarakat menerimanya sebagai satu produk kebanggaan negara yang perlu dikekalkan.

Batik juga dilihat berupaya mendidik semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Pemakaian baju batik di kalangan penjawat awam jelas membuktikan majoriti kaum menerimanya sebagai simbol dan lambang yang dapat mengeratkan perpaduan dan menyemai semangat cintakan negara. Pendidikan tidak formal yang wujud dalam seni kraf seperti batik wajar dilihat sebagai petanda positif bahawa kesenian kraf berupaya menyampaikan mesej yang dapat mendidik dan mengasuh generasi muda agar turut menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan.





1.1.2 Kraf dan Pendidikan Seni

Kraf didefinisikan sebagai perusahaan(kerja seni) yang melibatkan kemahiran kerja tangan seperti alat domestik, alat permainan, alat pertahanan diri, perhiasan diri (ornamen), batik, tekat, ukiran, tenunan, anyaman dan tembikar.

Collingwood(1938) dalam lewat penulisannya berjudul *The Principles of Art* menjelaskan bahawa kraf merupakan sebagai satu aktiviti kesenian yang melibatkan rekabentuk dan kemahiran serta kecekapan tangan dalam mengolah atau mengubah bahan asas yang dipilih.

Beliau turut menyatakan bahawa kraf selalunya membabitkan hubungan di antara alat dan media yang mana merujuk pada dua pengertian yang tidak sama tetapi saling memerlukan dan berkaitan.

Menurut beliau lagi, apa juga bentuk fizikal seni yang sedang diproses secara teknikal hingga mendapatkan hasil pada akhirnya merupakan seni kraf. Segala aktiviti seni kraf secara tipikalnya mempunyai enam karektor iaitu perkaitan yang membezakan di antara aktiviti pertengahan dan aktiviti akhir, perbezaan di antara perancangan dan pelaksanaan, semasa perancangan lazimnya karya akan dipilih manakala semasa perlaksanaan pula hasil akhir sahaja diutamakan, keupayaan membezakan di antara bahan mentah dan produk siap, keunggulan dilihat pada bentuk dan jirim manakala karektor terakhir yang ditegaskan oleh Collingwood ialah seni kraf mempunyai tiga peringkat iaitu bahan mentah daripada hasil kraf yang akan digunakan bagi menghasilkan satu produk kraf yang lain, melibatkan bahan mentah yang dihasilkan bagi menambah fungsinya kepada produk lain dan perdagangan yang mempersembahkan hasil kraf.

Secara keseluruhannya, kraf dapat didefinisikan sebagai satu perusahaan aktiviti seni yang melibatkan kemahiran kerja tangan yang memerlukan daya cipta kreatif oleh masyarakat yang diwarisi daripada turun temurun dalam menampilkan hasil yang mempunyai nilai dan menjadi keperluan manusia.





Manusia umumnya mendapat pendidikan melalui pengalaman hidupnya. Seni dilihat berperanan dalam pendidikan khususnya pendidikan yang berkaitan dengan khazanah seni dan kebudayaan. Melalui seni, kita dapat memahami etika dan nilai-nilai murni dalam masyarakat dan tamadunnya. Oleh yang demikian, sesuatu pendidikan yang tidak melibatkan seni di dalam kurikulumnya maka sistem itu sebenarnya belum lengkap sepenuhnya.

Pendidikan atau pengetahuan melalui seni atau kraf tidak dapat dipisahkan dengan pengalaman seseorang. Seni bermula dengan kraf dan tiada seni sehinggalah kemahiran kraf dikuasai. (Burgess dalam Md Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003)

Pendidikan menurut pengertian Yunani adalah pedagogi iaitu ilmu menuntun anak. Orang Rumawi pula melihat pendidikan sebagai *educare* iaitu mengeluarkan dan menuntun, tindakan merealisasikan potensi anak yang dibawa waktu dilahirkan di dunia. Bangsa Jerman pula melihat pendidikan sebagai *Erziehung* yang setara dengan *educare* iaitu membangkitkan kekuatan terpendam ataupun mengaktif kekuatan dan potensi anak. Bagi Syed Mohd Naquib al-Attas, pendidikan didefinisikan sebagai usaha atau proses menitiskan sesuatu ke dalam diri manusia. (Md Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003)

Pendidikan di Malaysia menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara lebih menyeluruh dan bersepadu dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Pendidikan Seni bermaksud seni tampak dan tidak merujuk kepada seni lain seperti seni muzik, seni sastera, seni tari dan seni mempertahankan diri. Ia bertujuan melahirkan warganegara berbudaya, khususnya individu yang kreatif, berpengetahuan dalam bidang seni, mempunyai kemahiran mencipta dan peka terhadap ciri-ciri estetik.





Feldman(1996) mendefinisikan bahawa Pendidikan Seni sebagai usaha yang melibatkan pelajaran dan pengajaran membuat dan memahami seni, disamping mengetahui tentang dunia diri kita sendiri melalui seni. Ini menjelaskan bahawa Pendidikan Seni merupakan satu disiplin ilmu yang merentasi kurikulum dan boleh dikatakan sebagai asas kepada mata pelajaran lain. Pelajar yang didedahkan dengan Pendidikan Seni berasa lebih senang dan yakin apabila berdepan dengan tugas dalam mata pelajaran lain terutamanya yang melibatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kefahaman menerusi visual tentunya lebih mudah berbanding penghafalan fakta menerusi catatan berjela. Peta minda yang digrafikkan lebih berkesan untuk menyatakan sesuatu konsep atau penerangan yang sukar. Prinsip dalam Pendidikan Seni berupaya memenuhi tuntutan dalam masalah ini.

Pendidikan seni berkait rapat dengan kreativiti dan pemikiran kreatif (Gardner,1990). Pendidikan Seni bermaksud seni tampak yang bertujuan melahirkan warganegara berbudaya, khususnya individu yang kreatif, berpengetahuan dalam bidang seni, mempunyai kemahiran mencipta dan peka terhadap ciri estetika.



1.1.3 Fungsi Kraf Dalam Pendidikan Seni

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, seni kraf berperanan dalam menyumbang kepada pembentukan minat pelajar dan masyarakat amnya terhadap aktiviti kesenian. Kraf dalam pendidikan seni berfungsi mengembangkan bakat dan kreativiti pelajar di samping menyemai ke dalam diri pelajar supaya menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan. Secara tidak langsung, pelajar beroleh pengetahuan dan pengalaman dalam setiap aktiviti menghasilkan seni kraf seperti ukiran, anyaman, tekat, batik dan banyak lagi. Pengetahuan berkenaan motif-motif yang diguna pakai dalam seni kraf dilihat berfungsi menajamkan pemerhatian pelajar dan membantu perkembangan emosi dan imaginasi mereka(Siti Zainon, 1986).

Fungsi kraf dalam pendidikan seni turut dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau di pusat pengajian tinggi menjadi lebih menarik dan seronok. Kecerdasan psikomotor yang dipraktikkan dengan gabungan domain efektif dan domain kognitif membantu diri pelajar dan tenaga pengajar memahami dan





mengenal diri sendiri. Perkembangan intelektual juga dapat dipertingkatkan dalam usaha dan kesungguhan pelajar dalam menyelesaikan permasalahan yang diberi guru. Secara tidak langsung, kedua pihak dapat memotivasikan jati diri masing-masing ke arah perkembangan insan yang seimbang dan menyeluruh.

1.1.4 Kerangka Teori Kajian

Bagi tujuan menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah membentuk dua kerangka teori sebagai panduan. Kerangka teori pertama menyentuh tentang aspek-aspek yang mendorong penghasilan batik (Rujuk Rajah 1.1). Pengkaji membentuk kerangka teori ini dengan memberi perhatian pada tiga aspek yang utama iaitu:

i) Aspek Sosial

Dalam aspek sosial, ianya melibatkan tentang kepercayaan masyarakat dan tahap pendidikan mereka. Di samping itu juga kedua-dua faktor ini memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk masyarakat yang berwawasan.


ii) Aspek Ekonomi

Aspek ekonomi merupakan satu faktor yang sangat penting dalam seni kraf batik. Melalui industri batik, ianya boleh dijadikan sumber kewangan yang menjadi asas kepada masyarakat kini. Dengan adanya sumber ekonomi yang kukuh, pelbagai perancangan boleh dilakukan untuk perkembangan kesenian batik ini.

iii) Aspek Budaya

Aspek budaya melibatkan pelbagai faktor budaya dan amalan-amalan tradisi yang sekian lama diadaptasi dari zaman berzaman. Aspek ini secara tidak langsung memainkan peranannya terhadap kesinambungan seni batik.





Rajah 1.1: Aspek-aspek yang Mendorong Penghasilan Batik




Aspek sosial adalah berkisarkan kepercayaan masyarakat dan tahap pendidikan. Seterusnya untuk aspek budaya, amalan tradisi yang diadaptasi dari turun temurun oleh masyarakat juga dilihat memainkan peranan yang penting terhadap kesinambungan seni kraf batik.

Akhir sekali adalah aspek ekonomi dimana turut memainkan faktor penting dalam seni kraf batik. Industri batik yang muncul dijadikan sumber mata pencarian dalam masyarakat dan menjadi aspek penting kesenian batik masih kekal hingga ke hari ini.

Gabungan ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan yang sangat penting dalam proses untuk menghasilkan batik.





Rajah 1.2: Unsur-unsur yang Mempengaruhi Penghasilan Motif Batik

Manakala kerangka teori yang kedua dalam Rajah 1.2, dibentuk berdasarkan beberapa unsur yang mempengaruhi eksplorasi terhadap motif batik. Di antara unsur tersebut adalah:

i) **Penggiat**

Unsur ini adalah yang utama dan paling penting dalam mengeksplorasi motif batik. Penggiatlah merupakan individu yang menggambarkan keseluruhan proses penghasilan motif batik ini.

ii) **Persekitaran**

Unsur ini merupakan unsur yang berkait rapat dengan masyarakat, kepercayaan dan aktiviti setempat yang menyumbang ke arah eksplorasi terhadap batik secara tidak langsung.



iii) Representasi

Unsur ini antara yang kerap dihasilkan dalam motif batik dan berkait rapat dengan penggambaran semula visual yang diadaptasi dari perasaan dalaman dan luaran penggiat.

iv) Estetika

Unsur ini merupakan unsur penting yang dilihat bagi menilai setiap motif batik yang dihasilkan.

v) Ekspresi

Unsur ini memberi nilai kepada motif batik lukis. Nilai pada karya muncul hasil daripada penumpuan dan penelitian secara ekspresi terhadap motif batik yang dihasilkan.

vi) Kreativiti

Unsur yang sangat penting dan berkait rapat dengan eksplorasi oleh penggiat terhadap motif batik di Pahang.

Keenam-enam unsur ini sangat penting bagi pengkaji melihat perkaitannya dengan ekplorasi terhadap motif-motif batik khususnya motif batik lukis di negeri Pahang. Kesemua ini diteliti dan dikaji oleh pengkaji bagi menjawab setiap persoalan kajian.





1.2 Latar Belakang Kajian

Batik cukup sinonim bagi masyarakat Melayu dan berkembang keseniannya seiring dengan peredaran zaman. Era ini, batik diterima pakai oleh sebahagian besar masyarakat di Malaysia sebagai simbol atau lambang warga yang menjadi contoh keutuhan masyarakat majmuk di rantau ini. Jelasnya, seni kraf seperti batik bukan sesuatu yang asing dalam masyarakat Malaysia. Sudah sekian lama kesenian batik mewarnai dan mendarah daging dalam kehidupan masyarakat Melayu serta bangsa Malaysia amnya.

Mutu dan kualiti batik sering menjadi sebutan dan kegemaran bagi pengemar kraf ini. Ciri-ciri batik yang berkualiti biasanya tidak mudah luntur warnanya akibat basuhan, gosokan dan cahaya matahari. Ciri lain adalah corak dan warna sama jelas baik pada bahagian hadapan maupun belakang. Di samping corak atau motif pada batik yang dihasilkan tidak mudah pecah dan koyak fabriknya.



Batik tulen atau asli biasanya menggunakan lilin sebagai bahan penahan bagi mengasingkan warna. Sebaliknya batik tiruan pula tidak menggunakan lilin tetapi dicetak melalui skrin. Motif-motif fauna dan flora yang diilhamkan oleh penggiat kraf batik di Malaysia sering menampilkan perkaitan dengan persekitaran dan alam semulajadi di samping memaparkan keindahan ciptaan Tuhan.

Menurut Arney(1987) dalam bukunya yang berjudul *Malaysian BATIK: Creating New Traditions* menjelaskan pembuatan batik Malaysia di abad 20 telah memperlihatkan tradisi baru bangsa Malaysia yang menampilkan jenis dan motif batik yang menjadi simbol bangsa serta mengekalkan nilai sebenar untuk terus diwarisi dan digemari masyarakat yang mendokongnya. Kepentingan dan kesedaran betapa warisan kesenian perlu dikekalkan dan dipertahankan, memperlihatkan industri batik di Malaysia hari ini semakin berkembang pesat.





Feldman(1992) dalam bukunya *Varieties Of Visual Experience* menjelaskan seni wujud seiring dengan kesan sejarah dan ketamadunan manusia yang masih berkembang seiring dengan pembangunan dan kemajuan manusia berserta zamannya. Ini jelas bahawa sesuatu kebudayaan itu bermula dengan satu pembangunan serta berasaskan perkembangan perasaan peribadi seseorang individu dan seterusnya dengan kelompok sosial dan keagamaan kerana manusia mempunyai keperluan biologis, sosial dan spiritual. Oleh itu, pembangunan tersebut berterusan dengan menggunakan seni sebagai satu instrumennya.

Rohendi(2000) pula menyatakan bahawa kesenian sebagai pedoman bagi pemenuhan kebutuhan intergratif, yang bertalian dengan keindahan, berfungsi mengintergrasikan berbagai kebutuhan tersebut menjadi suatu satuan negara yang diterima oleh citarasa yang langsung maupun tidak langsung berkaitan dengan pembenaran secara moral dan penerimaan akal fikiran warga masyarakat pendukungnya.



Memetik Siti Zainon Ismail (1985), dalam bukunya *Getaran Jalur Dan Warna* menyatakan:

"... kurang pasti bila kesenian itu wujud. Berdasarkan teori seni sejagat, ia ada di mana-mana sahaja manusia akan membina kehidupannya, kerana ia berpunca dari keperluan lahir dan batin serta berkaitan dengan nilai kepercayaan yang telah mendarah daging". (muka surat 9)





Rajah 1.3: Peta negeri Pahang - Balok



Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Negerinya yang menghadap Laut China Selatan menyerlahkan keindahan pantainya yang putih dan bersih. Antara pantai yang terkenal seperti pantai Telok Cempedak, pantai Cherating, pantai Batu Hitam, pantai Sepat dan pantai Balok. Negeri yang mendapat jolokan 'Tok Gajah' ini sering menjadi tumpuan pelancong baik dari dalam maupun dari luar negara. Keindahan pesisir pantainya dikatakan menjadi tarikan utama bagi tujuan riadah bersama keluarga dan rakan taulan. Air laut yang membiru dan tenang serta landai menambahkan lagi keindahan alam yang terdapat di sini.

Pantai Balok selain keindahan pasir pantainya yang memutih dan lambaian pohon nyiur di pesisirnya, kegiatan kesenian juga dijalankan oleh segelintir penduduk seiring dengan keindahan alam semulajadi yang berada di sekelilingnya. Biarpun Pantai Balok berada kira-kira 10km sahaja dari bandar Kuantan iaitu ibu negeri Pahang, pembangunan pesat serta kemajuan tidak menghalang kesenian tradisional ini dijalankan.





Batik bukan produk yang asing di negara kita terutama di negeri-negeri di Pantai Timur. Biarpun negeri Pahang terkenal dengan produk tenun, batik juga tidak kurang popularnya. Motif-motif batik seperti flora, fauna dan figuratif menjadi pilihan para penggiat dalam menghasilkan batik.

Natural Batik Village terletak di perkampungan Balok iaitu kira-kira 15km dari bandar Kuantan merupakan salah sebuah lokasi perusahaan batik lukis yang terkenal di negeri Pahang. Pemiliknya, Encik Ghazali bin Che Omar merupakan penggiat seni batik lukis di Pahang sejak 18 tahun dahulu.

Encik Ghazali berasal dari Kampung Losong, Kuala Terengganu dan telah menetap di Pahang sejak dari tahun 1978. Pada usia menjangkau 46 tahun, beliau telah mengenali batik sejak dari kecil lagi. Menurut Encik Ghazali, batik bukanlah asing baginya. Sejak dari zaman kanak-kanak lagi, beliau sering mengunjungi dan melihat aktiviti membatik yang dijalankan berhampiran dengan rumah beliau. Dari sinilah telah muncul minat dan keinginan beliau bagi mempelajari proses-proses menghasilkan batik. Kegiatan seni batik Encik Ghazali bermula dengan melukis batik di kaki lima sekitar bandar Kuantan dan di pantai Telok Chempedak.

Pada akhir tahun 80-an, beliau telah membuka kilang batik sendiri di Semambu dan pada tahun 2004, kilang batik beliau telah berpindah ke Balok. Sejak dari itu, produk batik beliau mula terkenal dan mendapat tempat di pasaran tempatan.

Di Natural Batik Village, Encik Ghazali mempunyai lapan orang pekerja bagi membantu menjalankan perusahaan batiknya. Kesemua pekerja beliau mempunyai peranan mengikut tahap kemahiran masing-masing.





1.3 Penyataan Masalah

Masyarakat di negara kita lebih mengenali batik dari negeri Kelantan dan Terengganu. Oleh yang demikian, belum terdapat kajian secara mendalam berkenaan batik dari negeri Pahang. Dengan kata lain, masyarakat di negara kita belum benar-benar mengenali keistimewaaan seni batik lukis di negeri Pahang. Maklumat yang didapati hanyalah pengetahuan umum tentang batik lukis Pahang sahaja. Justeru, pengkaji merasakan proses pembuatan dan penghasilan motif batik lukis di Pahang merupakan satu pendekatan realisme yang menarik untuk dibuat penelitian secara eksklusif. Pengkaji melihat eksplorasi visual pada batik lukis sangat menarik untuk dikaji. Berdasarkan kepada penyataan-penyataan inilah, pengkaji cenderung untuk meneliti dan melihat secara dekat eksplorasi motif-motif batik lukis di negeri Pahang yang dihasilkan oleh penggiat di Natural Batik Village.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggiat mengeksplorasi motif-motif dalam penghasilan batik lukis di negeri Pahang. Kajian juga turut mengkaji aspek-aspek dan unsur-unsur yang telah mempengaruhi eksplorasi terhadap motif yang dihasilkan. Di samping itu juga kajian turut melihat peranan pendidikan dalam batik bagi lingkungan budaya yang mendokongnya.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa persoalan seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Apakah jenis-jenis motif yang terdapat pada batik lukis di Pahang?
- ii. Apakah aspek-aspek yang mendorong penghasilan motif batik lukis di Pahang?
- iii. Apakah unsur-unsur yang mempengaruhi penghasilan motif batik lukis di Pahang?





1.6 Kepentingan/Signifikan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan tentang eksplorasi yang wujud pada motif batik lukis melalui penghasilannya di negeri Pahang. Ia diharap dapat dijadikan bahan rujukan dan pedoman kepada masyarakat tempatan terutama buat generasi baru di masa hadapan. Di samping itu, hasil daripada kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutama golongan muda supaya lebih mengenali dan menyanjung warisan seni ini serta dijadikan rujukan dalam konteks pendidikan budaya.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan memberi gambaran secara menyeluruh tentang eksplorasi motif batik lukis di Pahang. Skop kajian hanya tertumpu pada perkara-perkara seperti di bawah:



- i) Kajian ini hanya melibatkan eksplorasi terhadap motif-motif batik lukis di lapangan yang dipilih iaitu Natural Batik Village di Pahang.
- ii) Segala dapatan daripada kajian ini, dari segi ketepatannya bergantung kepada maklum balas responden terhadap kenyataan-kenyataan dalam temubual, pemerhatian, perakaman audio visual dan dokumentasi yang dijalankan.
- iii) Kajian turut mengambil kira sikap dan penerimaan penggiat dalam memberikan maklum balas dan respon terhadap kehadiran pengkaji ke lapangan.





1.8 Batasan Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan memberi gambaran secara menyeluruh tentang permasalahan yang dikaji. Walau bagaimanapun, sepanjang kajian ini terdapat beberapa faktor yang membataskannya. Antara batasan dan kekangan yang dihadapi oleh pengkaji adalah:

i) Kekangan masa

Pengkaji terpaksa memilih masa yang sesuai untuk ke lapangan disebabkan oleh tuntutan masa bekerja yang bermula dari pukul 9 hingga 5.30 petang.

ii) Kewangan pengkaji.

Pengkaji menghadapi masalah kewangan untuk berulang-alik ke lapangan. Selain itu, kajian ini dijalankan tanpa bantuan dana kewangan dari mana-mana pihak.

iii) Penggiat sering tiada kerana kerap keluar bagi tugas pemasaran.

Faktor yang tidak kurang pentingnya dalam membataskan kajian ini adalah ketiadaan penggiat setelah beberapa temujanji diadakan. Ini adalah kerana penggiat kerap keluar bagi tujuan urusanniaga dan aktiviti pemasaran.





1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Eksplorasi

Torrance(1990) dalam *Thinking creatively with words manual* memperihalkan bahawa eksplorasi adalah penerokaan secara mendalam terhadap hasil awal hingga akhir dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahan dan peralatan khusus di samping memanupulasi alam sekeliling serta pengalaman yang dapat meningkatkan pemahaman dan kreativiti.

1.9.2 Motif

Motif merupakan unsur utama dalam ragamhias. Ia selalunya dijadikan dasar pada lukisan (ukiran, jahitan dan lain-lain) Apabila beberapa bentuk motif disusun dalam ruang-ruang tertentu, maka terciptalah corak di permukaan kraftangan. Dengan erti kata lain, istilah motif dan corak digunakan pada keseluruhan unsur ragamhias. (Siti Zainon Ismail, 1986)



1.9.3 Batik

Perkataan batik dikatakan berasal dari bahasa Indonesia yang bermaksud pakaian yang mempunyai titik-titik kecil. Perkataan ‘tik’ bermaksud ‘titik’. Terdapat juga yang menyatakan bahawa perkataan batik berasal dari bahasa Jawa iaitu ‘ba’ dan ‘tik’ yang bermaksud setitik lilin. (Siti Zainon Ismail,1986)



1.10 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan secara terperinci latar belakang yang dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian eksplorasi terhadap motif batik lukis di Pahang. Pusat membatik di Natural Batik Village di perkampungan Balok merupakan kajian lapangan yang dipilih. Objektif kajian bertujuan mengenalpasti eksplorasi terhadap motif batik lukis di Pahang. Kepentingan dan signifikan kajian dinyatakan secara jelas dalam membangkitkan tiga persoalan kajian utama. Dua model kerangka teori yang dibina dijadikan kayu ukur dan panduan oleh pengkaji sebagai instrumen utama bagi pengumpulan data dalam melakukan kajian ini. Menerusi panduan dan gerak kerja ini, pengkaji dapat menganalisa data mentah untuk disaring dan seterusnya menjawab persoalan-persoalan berkenaan dengan eksplorasi motif batik lukis di negeri Pahang.